



KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI

SIARAN MEDIA

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030, PENYUSUNAN SEMULA KEUTAMAAN PEMBANGUNAN MALAYSIA

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 telah dilancarkan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri anjuran Kementerian Hal Ehwal Ekonomi di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) hari ini.

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) merupakan hala tuju baharu ekonomi negara bagi tempoh 10 tahun bermula 2021-2030. WKB 2030 adalah iltizam Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, politik, wilayah dan rantaian bekalan. Iltizam ini akan diteruskan ke arah mengukuhkan kestabilan politik dan meningkatkan kemakmuran negara serta memastikan rakyat bersatu padu tanpa prasangka dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara bangsa.

WKB 2030 menekankan prinsip kesaksamaan keberhasilan (*equitability of outcomes*). Prinsip ini bukan bermaksud kesaksamaan peluang (*equitabilty of opportunities*) semata-mata. Sebaliknya, ia merupakan pendekatan ekonomi yang menjamin kesaksamaan keberhasilan sesuatu inisiatif dengan mengambil kira kekangan terhadap pencapaian individu dan kumpulan yang disebabkan oleh perbezaan latar belakang ekonomi dan persekitaran. Penerapan unsur kesaksamaan keberhasilan dalam WKB 2030 adalah amat penting bagi mencapai matlamat Kemakmuran Bersama.

WKB 2030 bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tetapi juga memberi keutamaan kepada kesejahteraan rakyat. Matlamat WKB 2030 adalah agar seluruh rakyat Malaysia dapat mengecapi taraf hidup wajar atau “*decent standard of living*” pada tahun 2030 yang akan dinilai berdasarkan 3 elemen iaitu:

- i. Rakyat mempunyai wang yang mencukupi bagi memenuhi keperluan asas;
- ii. Kemampuan untuk menyertai aktiviti komuniti dan kekeluargaan serta riadah sosial; dan
- iii. Kebolehan untuk menjalani kehidupan yang bermakna dan bermaruah.

WKB 2030 menetapkan 3 objektif utama iaitu:

- i. Pembangunan untuk semua – bagi mewujudkan ekonomi yang distruktur semula, progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat;
- ii. Menangani jurang kekayaan dan pendapatan – iaitu untuk merapatkan jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rangkaian bekalan supaya rakyat yang ketinggalan dapat dibawa bersama dalam arus kemajuan negara, nasib mereka terbela dan keupayaan ekonomi mereka diperkasakan; dan
- iii. Negara bersatu, makmur dan bermaruah – untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

WKB 2030 ini akan diperincikan dengan lebih lanjut berpandukan 15 prinsip panduan yang akan dilaksanakan berteraskan 7 teras strategik dan diperkukuhkan dengan 8 pembolehdaya. Kesemua 7 teras strategik WKB 2030 bertujuan untuk menambah baik definisi serta sasaran ekonomi sedia ada seperti menilai semula pengukuran kemiskinan, memerangi rasuah dan melaksanakan reformasi bagi inisiatif sedia ada secara menyeluruh untuk mencapai sasaran yang ditetapkan.

Kerajaan akan memfokuskan kepada pembangunan sosio-ekonomi negara berpaksikan keberhasilan. Justeru, WKB 2030 telah menetapkan sekurang-kurangnya 10 sasaran ekonomi utama pada tahun 2030. Bagi tujuan tersebut, strategi, inisiatif dan pelan tindakan di bawah kerangka WKB 2030 akan diperincikan atau dicerakinkan dalam penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas.

Turut hadir di majlis pelancaran ini adalah YBhg. Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali, isteri YAB Perdana Menteri; YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri; YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi; YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Menteri Dalam Negeri merangkap Pengerusi Institut Masa Depan Malaysia (MASA); Ahli-ahli Jemaah Menteri, wakil-wakil Kedutaan, pegawai-pegawai kanan Kerajaan, pemimpin-pemimpin masyarakat serta pelbagai pihak daripada sektor swasta, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan.

Dokumen Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 boleh dimuat turun di laman web www.makmurbersama.my dan laman web Kementerian Hal Ehwal Ekonomi di www.me.gov.my.

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

5 Oktober 2019